Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Kedah adalah 427.6 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 427.6 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 85.2 ribu kilogram dan 68.2 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM226.22 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kedah, 2023



- Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
- Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Kedah merekodkan RM7,875.82 juta, di mana 49.8 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM3,925.51 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 50.2 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Kedah iaitu RM3,950.31 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI KELANTAN

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 87,645 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Kelantan. Daripada jumlah ini, 87,203 (99.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 442 (0.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Kelantan, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 87,203 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Kelantan, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 77.7 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 48.6 peratus dan 32.3 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 96.7 peratus. Manakala 47.0 peratus pegangan pertanian individu di Kelantan mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Kelantan, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Kelantan pada tahun 2023 adalah seluas 361.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 180.7 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 181.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 316.1 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 159.3 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Kelantan mencatatkan 3,471.6 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2,656.1 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 259.6 ribu dan 199.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 3,402.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2,656.1 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 232.9 ribu dan 165.1 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5,987.03 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kelantan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Kelantan adalah sebanyak 13,559.4 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 13,014.7 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 2,300.7 ribu biji telur, 615.4 ribu liter susu segar dan 16.1 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1,891.8 ribu biji telur, 549.1 ribu liter susu segar dan 14.4 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM278.41 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kelantan, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Kelantan mencatatkan jumlah pengeluaran 40.0 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 39.8 ribu tan metrik, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.2 ribu tan metrik atau hanya 0.5 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 39.6 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 39.4 ribu tan metrik (99.5%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.2 ribu tan metrik (0.5%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM502.09 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Kelantan, 2023



Subsektor akuakultur di Kelantan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 7.0 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 6.2 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 14,346.5 ribu ekor dan 13,371.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM64.79 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kelantan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Kelantan adalah 679.1 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 679.1 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 71.6 ribu kilogram dan 71.1 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM301.14 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Kelantan, 2023


Subsektor Perhutanan & Pembalakan

	 Pegangan Pertanian	 Individu	 Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	71.6	71.6	-
ii. Meter Padu	679.1	1.2	677.9
 Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	71.1	71.1	-
ii. Meter Padu	679.1	1.2	677.9
 Nilai Jualan (RM juta)	301.14	1.27	299.87

5. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
6. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/ arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Kelantan merekodkan RM7,133.47 juta, di mana 57.7 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM4,114.13 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 42.3 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Kelantan iaitu RM3,019.34 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI MELAKA

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 13,824 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Melaka. Daripada jumlah ini, 13,022 (94.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 802 (5.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Melaka, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 13,022 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Melaka, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 74.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 55.2 peratus dan 28.6 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 77.5 peratus. Manakala 42.0 peratus pegangan pertanian individu di Melaka mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Melaka, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Melaka pada tahun 2023 adalah seluas 77.9 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 24.6 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 53.4 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 70.4 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 47.8 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Melaka mencatatkan 1,207.4 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 1,101.3 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing menghasilkan 57.5 ribu dan 17.0 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 1,202.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 1,101.3 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan sayur-sayuran dengan masing-masing mengeluarkan 53.8 ribu dan 16.8 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,612.83 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Melaka, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Melaka adalah sebanyak 85,781.4 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 75,137.8 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 3,167,552.8 ribu biji telur, 1,954.5 ribu liter susu segar dan 342.5 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 3,150,411.7 ribu biji telur, 1,949.6 ribu liter susu segar dan 125.9 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,923.53 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Melaka, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Melaka mencatatkan jumlah pengeluaran 2.0 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 1.9 ribu tan metrik, bersamaan 95.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.1 ribu tan metrik atau hanya 4.9 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 2.0 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 1.9 ribu tan metrik (95.1%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.1 ribu tan metrik (4.9%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM49.80 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Melaka, 2023




Subsektor akuakultur di Melaka merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 4.6 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 4.1 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 5,265.8 ribu ekor dan 5,264.9 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM37.01 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Melaka, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu di Melaka direkodkan sebanyak 2.9 ribu kilogram dan 2.9 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.45 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Melaka, 2023



7. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
8. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Melaka merekodkan RM3,623.62 juta, di mana 79.2 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM2,869.46 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 20.8 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Melaka iaitu RM754.16 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI NEGERI SEMBILAN

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 45,429 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Negeri Sembilan. Daripada jumlah ini, 44,082 (97.0%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 1,347 (3.0%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 44,082 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Negeri Sembilan, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 68.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 59.6 peratus dan 24.4 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 80.5 peratus. Manakala 39.1 peratus pegangan pertanian individu di Negeri Sembilan mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Negeri Sembilan, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Jumlah keluasan bertanam di Negeri Sembilan pada tahun 2023 adalah seluas 266.2 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 93.9 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 172.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 241.8 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 153.5 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Negeri Sembilan mencatatkan 4,021.1 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 3,826.2 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan getah dengan masing-masing menghasilkan 82.1 ribu dan 41.4 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 3,998.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 3,826.2 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah buah-buahan dan getah dengan masing-masing mengeluarkan 61.7 ribu dan 41.4 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4,879.70 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Negeri Sembilan adalah sebanyak 332,326.2 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 318,787.1 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 1,382,114.5 ribu biji telur, 3,141.8 ribu liter susu segar dan 11.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 1,174,231.0 ribu biji telur, 3,057.4 ribu liter susu segar dan 11.4 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM2,824.08 juta.

Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Negeri Sembilan, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Negeri Sembilan mencatatkan jumlah pengeluaran 0.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 0.5 ribu tan metrik, bersamaan 89.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.1 ribu tan metrik atau hanya 10.1 peratus.

Kuantiti jualan pula merekodkan 0.6 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 0.5 ribu tan metrik (89.9%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.1 ribu tan metrik (10.1%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM9.19 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Negeri Sembilan, 2023




Subsektor akuakultur di Negeri Sembilan merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 9.2 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 8.7 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 30,842.3 ribu ekor dan 30,504.1 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM120.87 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Negeri Sembilan, 2023


Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Negeri Sembilan adalah 57.6 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 57.4 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 109.9 ribu kilogram dan 108.9 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM24.84 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Negeri Sembilan, 2023



9. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
10. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Negeri Sembilan merekodkan RM7,858.67 juta, di mana 81.5 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM6,402.99 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 18.5 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Negeri Sembilan iaitu RM1,455.68 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PAHANG

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 90,025 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Pahang. Daripada jumlah ini, 87,482 (97.2%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 2,543 (2.8%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Pahang, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 87,482 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Pahang, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 73.6 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 47.1 peratus dan 28.8 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 86.3 peratus. Manakala 37.0 peratus pegangan pertanian individu di Pahang mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Pahang, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Pahang pada tahun 2023 adalah seluas 983.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 208.2 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 774.8 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 872.0 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 682.2 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Pahang mencatatkan 16,644.4 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 15,492.9 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah sayur-sayuran dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 672.3 ribu dan 241.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 16,595.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 15,492.9 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah sayur-sayuran dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 668.1 ribu dan 226.7 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM22,112.97 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pahang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Pahang adalah sebanyak 58,188.7 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 56,748.1 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan dengan 496,011.6 ribu biji telur, 9,046.0 ribu liter susu segar dan 23.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 462,396.0 ribu biji telur, 8,999.8 ribu liter susu segar dan 21.6 ribu kilogram hasil ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,209.60 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Pahang, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Pahang mencatatkan jumlah pengeluaran 100.9 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 99.4 ribu tan metrik, bersamaan 98.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 1.5 ribu tan metrik atau hanya 1.5 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 100.4 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 99.0 ribu tan metrik (98.6%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 1.4 ribu tan metrik (1.4%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM909.24 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Pahang, 2023




Subsektor akuakultur di Pahang merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 14.1 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 12.6 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 4,388,807.8 ribu ekor dan 100,085.0 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM333.60 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Pahang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Pahang adalah 954.2 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 954.2 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 1,089.7 ribu kilogram dan 1,086.5 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM557.17 juta.

**Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan,
Pahang, 2023**



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Pahang merekodkan RM 25,122.59 juta, di mana 76.7 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM19,265.16 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 23.3 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Pahang iaitu RM5,857.43 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PULAU PINANG

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 16,645 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, 15,491 (93.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 1,154 (6.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Pulau Pinang, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 15,491 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Pulau Pinang, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 87.1 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 44.7 peratus dan 34.9 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 74.0 peratus. Manakala 27.2 peratus pegangan pertanian individu di Pulau Pinang mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Pulau Pinang, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah seluas 44.3 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 36.1 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 8.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 39.0 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 32.0 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Pulau Pinang mencatatkan 420.9 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 181.0 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 177.6 ribu dan 27.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 293.5 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 181.0 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 57.4 ribu dan 21.9 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM837.05 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Pulau Pinang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Pulau Pinang adalah sebanyak 90,490.3 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 88,250.2 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan dengan 255,842.0 ribu biji telur, 292.1 ribu liter susu segar dan 1.7 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 248,160.3 ribu biji telur, 285.1 ribu liter susu segar dan 1.2 ribu kilogram hasil ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,547.02 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Pulau Pinang, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Pulau Pinang mencatatkan jumlah pengeluaran 33.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 33.3 ribu tan metrik, bersamaan 99.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.3 ribu tan metrik atau hanya 0.9 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 32.8 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 32.5 ribu tan metrik (99.1%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.3 ribu tan metrik (0.9 %). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM529.80 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Pulau Pinang, 2023




Subsektor akuakultur di Pulau Pinang merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 42.4 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 41.0 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 231,250.2 ribu ekor dan 149,706.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM600.84 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Pulau Pinang, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 3.3 ribu kilogram dan 2.9 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM0.01 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Pulau Pinang, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Pulau Pinang merekodkan RM3,514.73 juta, di mana 66.6 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM2,342.01 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 33.4 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Pulau Pinang iaitu RM1,172.72 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PERAK

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 107,474 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Perak. Daripada jumlah ini, 104,878 (97.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 2,596 (2.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Perak, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 104,878 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Perak, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 76.3 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 46.6 peratus dan 30.0 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 77.6 peratus. Manakala 39.6 peratus pegangan pertanian individu di Perak mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Perak, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Perak pada tahun 2023 adalah seluas 497.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 188.9 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 308.2 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 452.5 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 269.5 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Perak mencatatkan 7,372.3 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 6,652.2 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 229.3 ribu dan 157.0 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 7,299.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 6,652.2 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 196.7 ribu dan 124.3 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM8,277.45 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Perak, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Perak adalah sebanyak 204,201.9 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 194,221.2 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan pula direkodkan dengan 1,017,005.0 ribu biji telur, 7,791.8 ribu liter susu segar dan 23.3 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain. Kuantiti jualan bagi hasil ternakan mencatatkan 998,931.9 ribu biji telur, 7,719.9 ribu liter susu segar dan 23.0 ribu kilogram hasil ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM4,214.40 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Perak, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Perak mencatatkan jumlah pengeluaran 298.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 295.2 ribu tan metrik, bersamaan 98.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 3.4 ribu tan metrik atau hanya 1.1 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 298.4 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 295.1 ribu tan metrik (98.9%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 3.4 ribu tan metrik (1.1%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM2,364.00 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Perak, 2023




Subsektor akuakultur di Perak merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 66.0 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 62.3 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 663,279.9 ribu ekor dan 311,314.1 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,008.76 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Perak, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Perak adalah 1,313.1 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 763.5 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 2,320.9 ribu kilogram dan 1,912.3 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM118.92 juta.

**Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan,
Perak, 2023**



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Perak merekodkan RM15,983.54 juta, di mana 72.1 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM11,520.92 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 27.9 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perak iaitu RM4,462.62 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI PERLIS

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 18,970 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Perlis. Daripada jumlah ini, 18,839 (99.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 131 (0.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Perlis, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 18,839 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Perlis, hampir 100 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 76.6 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 54.4 peratus dan 27.4 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 91.0 peratus. Manakala 35.9 peratus pegangan pertanian individu di Perlis mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Perlis, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Perlis pada tahun 2023 adalah seluas 58.5 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 55.9 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 2.6 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 52.0 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan jumlah 50.8 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Perlis mencatatkan 201.4 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah padi iaitu 166.2 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah kelapa sawit dan buah-buahan dengan masing-masing menghasilkan 15.7 ribu dan 6.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 135.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah padi iaitu 102.6 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah kelapa sawit dan buah-buahan dengan masing-masing mengeluarkan 15.7 ribu dan 4.2 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM276.71 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Perlis, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Perlis adalah sebanyak 7,753.1 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 7,687.9 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 65.0 ribu biji telur, 5.4 ribu liter susu segar dan 0.1 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 60.1 ribu biji telur, 7,687.9 ribu liter susu segar dan 0.1 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM114.63 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Perlis, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Perlis mencatatkan jumlah pengeluaran 27.6 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 27.5 ribu tan metrik, bersamaan 99.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.1 ribu tan metrik atau hanya 0.5 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 27.5 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 27.5 ribu tan metrik (99.8%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.1 ribu tan metrik (1.0%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM159.60 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Perlis, 2023




Subsektor akuakultur di Perlis merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 0.3 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 286.4 ribu ekor dan 207.7 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM 6.64 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Perlis, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti pembalakan di Perlis adalah 80.3 ribu meter padu, manakala kuantiti jualan adalah 80.3 ribu meter padu. Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu pula direkodkan sebanyak 1.8 ribu kilogram dan 0.9 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM27.24 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Perlis, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Perlis merekodkan RM584.82 juta, di mana 55.0 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM263.31 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 45.0 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Perlis iaitu RM321.51 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI SELANGOR

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 37,117 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Selangor. Daripada jumlah ini, 35,474 (95.6%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 1,643 (4.4%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Selangor, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

Daripada 35,474 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Selangor, 99.7 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 76.7 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 44.5 peratus dan 32.8 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 75.1 peratus. Manakala 46.2 peratus pegangan pertanian individu di Selangor mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Selangor, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Selangor pada tahun 2023 adalah seluas 172.8 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 69.7 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 103.1 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 159.7 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 91.6 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran subsektor tanaman di Selangor mencatatkan 2,843.8 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2,273.1 ribu tan metrik. Pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan tanaman lain dengan masing-masing menghasilkan 219.6 ribu dan 218.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 2,825.6 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 2273.1 ribu tan metrik. Seterusnya, pengeluaran kedua dan ketiga tertinggi adalah padi dan tanaman lain dengan masing-masing mengeluarkan 218.1 ribu dan 184.8 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3,638.92 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Selangor, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi subsektor ternakan di Selangor adalah sebanyak 93,679.6 ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 90,296.9 ribu ekor dijual pada tahun 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 3,623,851.4 ribu biji telur, 5,071.7 ribu liter susu segar dan 13.8 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 3,545,254.3 ribu biji telur, 4,975.6 ribu liter susu segar dan 10.6 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3,161.47 juta.


Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Selangor, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Selangor mencatatkan jumlah pengeluaran 106.9 ribu tan metrik. Aktiviti perikanan tangkapan laut mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran mencecah 106.8 ribu tan metrik, bersamaan 99.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran. Sebaliknya, aktiviti perikanan darat mencatat jumlah yang jauh lebih kecil, iaitu 0.1 ribu tan metrik atau hanya 0.1 peratus.


Kuantiti jualan pula merekodkan 105.7 ribu tan metrik. Perikanan tangkapan laut merekodkan kuantiti jualan sebanyak 105.6 ribu tan metrik (99.9%), manakala perikanan tangkapan darat hanya menyumbang 0.1 ribu tan metrik (0.1%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM1,390.68 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Selangor, 2023




Subsektor akuakultur di Selangor merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 16.9 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 14.9 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 372,031.9 ribu ekor dan 257,501.8 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM196.35 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Selangor, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi hasil hutan bukan kayu direkodkan sebanyak 1,317.7 ribu kilogram dan 1,297.1 ribu kilogram adalah untuk tujuan jualan. Subsektor perhutanan & pembalakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.86 juta.

Paparan 26: Parameter Utama Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Selangor, 2023



1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau/jaras/arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Selangor merekodkan RM8,394.27 juta, di mana 64.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM5,406.45 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 35.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Selangor iaitu RM2,987.82 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI TERENGGANU

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 73,051 pegangan pertanian direkodkan pada tahun 2023 di Terengganu. Daripada jumlah ini, 72,367 (99.1%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 684 (0.9%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Terengganu, 2023



8.1.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU

